



PBD 总结式课堂评估
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan
Jadual Spesifikasi Ujian
Julai (JSU) 2024

模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik



Bahasa
Melayu

Tahun

6



4 + 1 set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks

PERCUMA



1 set Kertas Model UASA Digital
<https://bit.ly/492nPzw>



Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
yang boleh diedit disediakan.
<https://bit.ly/3CyBn9D>

Rosnani Majid Faris Syazwan

Nama

Kelas

Sekolah

Nama: _____

Kelas: _____

Tarikh: _____

Kertas Model / 3

Tema 5 – 6

BAHASA MELAYU [011]

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Naufal ^{不参加} tidak menyertai ^{不加入} rakan-rakannya bermain bola sepak di padang kerana dia

- A kaki lima ^{走廊}
- B kaki meja
- C kaki ayam ^{不穿鞋}
- D kaki bangku ^{不会踢球的人}

Morfologi Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

Teliti penggunaan kata majmuk yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Ayah sungguh berselera makan nasi dengan _____ yang dimasak oleh ibu.

- A lauk-pauk ^{有胃口}
- B kuih-muih
- C sayur-mayur
- D rempah-ratus ^{香料}

Morfologi Aras R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Minta masuk ke rumah itu tanpa izin tuan rumahnya ^{没 允许} ^{属于权力}
 B Tolong jangan ambil barang yang bukan (hak milik) kamu.
 C Sila buat laporan tentang kecurian yang berlaku pada pagi ini.
 D Jemput siapkan kerja rumah kamu sebelum pulang ke kampung nanti.

Sintaksis Aras S

kata perintah

Sila
 Jemput 请吃
 minta 要求
 Jangan x
 usah x
 Harap 希望

不能在一起。例: Tolong jangan (x)
 注: 有时没有这些字但句子也是 ayat perintah.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Chia Wei dan kakaknya berkongsi minat yang sama, iaitu suka memasak. Di rumah mereka, Chia Wei dan kakaknya rajin memasak pelbagai jenis makanan termasuklah (pencuci mulut). *sharing 兴趣 甜品*

Pada suatu hari, kakak Chia Wei mengajak Chia Wei menyertai pertandingan memasak kuih-muih tradisional. Chia Wei berasa sangat teruja. Kakaknya bercadang untuk memasak kuih tradisional masyarakat Cina seperti kuih cang, kuih bakul, dan tang yuan. Oleh itu, mereka mempelajari cara-cara memasak dan bahan-bahan yang diperlukan untuk memasak kuih-muih itu. Selain itu, mereka juga merancang cara penyediaan dan hiasan kuih-muih tersebut untuk memenangi pertandingan masakan itu. *计划 准备 赢取 被吸引*

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Chia Wei dan kakaknya mempunyai minat memasak.

4 Apakah hobi yang diminati oleh Chia Wei dan kakaknya?

- A Melukis
- B Menjahit
- C Memasak
- D Menghias

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- A Chia Wei dan kakaknya rajin memasak pencuci mulut sahaja.
- B Chia Wei berasa sangat sedih apabila kakaknya mengajak dia menyertai pertandingan itu.
- C Chia Wei mengajak kakaknya menyertai pertandingan memasak kuih-muih tradisional.
- D Chia Wei dan kakaknya bekerjasama untuk mempelajari cara-cara memasak kuih-muih tradisional Cina yang akan dihasilkan oleh mereka.

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah cadangan kuih yang akan dimasak oleh kakak Chia Wei berdasarkan petikan *kecuali*

- A tang yuan.
- B kuih cang.
- C kuih bakul.
- D kuih bulan.

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Guru Kelas Enam Cerdas, Cikgu Hayati memberitahu murid-muridnya tentang Kem Jati Diri yang akan diadakan pada bulan depan. Kem itu akan diadakan selama tiga hari di sekolah mereka. Tujuan kem itu diadakan adalah untuk meningkatkan jati diri dan semangat integriti dalam kalangan murid.

"Rayyan, marilah kita sertai kem jati diri itu," kata Firas kepada rakannya itu.

"Baiklah, Firas. Banyak perkara yang bermanfaat dapat kita peroleh daripada kem itu nanti," kata Rayyan.

"Ya, betul kata kamu. Kita perlu menyerahkan borang dan yuran penyertaan kepada Cikgu Hayati pada minggu depan," kata Firas.

Rayyan dan Firas kemudiannya pulang ke rumah dan meminta kebenaran untuk menyertai kem itu daripada ibu bapa mereka.

BAHAN 2

KEM JATI DIRI

SJKC SERI DAMAI

Tarikh: 11 hingga 13 Julai 2025

Tempat: Dewan SJKC Seri Damai

Yuran penyertaan:

RM30.00

Pengisian program:

- ① Ceramah motivasi dan integriti
- ② Pelantikan Duta Sahsiah Murid
- ③ Kembara hutan
- ④ Aktiviti dan permainan dalam kumpulan

Pelibatan:
Terbuka kepada murid tahun enam

- 7 Cikgu Hayati memberitahu murid-murid di kelasnya bahawa kem itu akan diadakan pada
- A bulan lepas.
 - B bulan depan.
 - C tahun depan.
 - D minggu depan.

Memahami Aras R

- 8 "Ya, betul kata kamu. Kita perlu menyerahkan borang dan yuran penyertaan kepada Cikgu Hayati pada minggu depan," kata Firas.1

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A keping.
- B lembar.
- C gulung.
- D naskhah.

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *yuran* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A bayaran. 付费
- B caruman. 捐款
- C pinjaman. 借款
- D tunggakan. 未付完的贷款

Memahami Aras S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Kem jati diri itu akan diadakan selama dua hari.
- B Pengisian program semasa kem itu menarik dan pelbagai.
- C Matlamat kem itu adalah untuk mengembangkan bakat murid-murid.
- D Rayyan dan Firas pulang ke rumah untuk menyerahkan borang dan yuran penyertaan kem itu kepada ibu bapa mereka. 交给 表格

Menganalisis Aras T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Puan Lina membawa anak-anaknya melawat ke Pameran Kebaya yang diadakan di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur. Mereka sekeluarga bersemangat dan teruja kerana mereka amat meminati pakaian tradisional Melayu khususnya baju kebaya.

Semasa pameran itu, mereka mendapat pendedahan tentang sejarah pakaian kebaya pada zaman dahulu. Selain itu, Puan Lina sekeluarga dapat melihat koleksi kebaya di setiap negeri di Malaysia dan kebaya dari negara lain seperti Indonesia, Singapura, dan Thailand. Mereka meneliti pelbagai hasil kebaya yang berbeza dan menarik. Sebelum pulang, Puan Lina membeli sepasang baju kebaya tradisional yang dijual di situ sebagai (kenang-kenangan).

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Puan Lina membawa anak-anaknya melawat ke Pameran Kebaya di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur.

1 (a) Puan Lina membawa anak-anaknya melawat ke Pameran Kebaya di _____

Memahami Aras R. [1 markah]

(b) Mengapakah keluarga Puan Lina bersemangat dan teruja?

Mengaplikasi Aras R. [2 markah]

- (c) Bulatkan kata kerja aktif tak transitif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Sebelum pulang, Puan Lina membeli sepasang baju kebaya tradisional yang dijual di situ sebagai kenang-kenangan.

Morfologi Aras S [1 markah]

- (d) Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Semasa pameran itu, mereka mendapat pendedahan tentang sejarah pakaian kebaya pada zaman dahulu.

Pada zaman dahulu, mereka mendapat pendedahan tentang sejarah pakaian kebaya semasa pameran itu.	
Mereka mendapat pendedahan tentang sejarah pakaian kebaya pada zaman dahulu semasa pameran itu.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

kata kerja 动词

← kata kerja transitif

→ kata kerja tak transitif
不需要 objek

1. mencuci baju
2. melukis gambar
3. memakai baju

1. menari
2. berenang
3. berlari

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Zuhairi berjanji dengan rakan baiknya untuk mengulang kaji pelajaran bersama-sama pada hujung minggu. Namun begitu, dia memungkiri janji dan telah menyebabkan rakan baiknya itu berkecil hati.

2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut dilakukan oleh Zuhairi? **KBAT**

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C

[10 markah]


Grafik di bawah ini tentang sikap integriti dalam kehidupan.

Tulis pendapat kamu tentang cara-cara memupuk sikap integriti dalam kehidupan.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T



TIP


Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang cara-cara memupuk sikap integriti dalam kehidupan.

Bahagian D
[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

PESTA LAYANG-LAYANG

1 Tulis karangan keperihalan berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tulis surat tak rasmi berdasarkan gambar di atas.